

ASNB rai ejen, rakan kongsi dalam ASNB Starz Award Night 2018

ANUGERAH. Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB) meraikan prestasi cemerlang ejen dan rakan kongsi syarikat pada malam anugerah ASNB Starz Award Night 2018 dengan menganugerahkan seramai 50 orang pemenang menerusi 16 kategori berbeza.

Presiden dan Ketua Eksekutif

Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, majlis anugerah tersebut mengiktiraf peranan ejen ASNB dan ekosistem komuniti pelaburan selaras dengan aspirasi PNB untuk meningkatkan tahap celik kewangan rakyat Malaysia.

"Kami berharap semua ejen akan menjalankan tang-

gungjawab mereka dalam menyampaikan pengetahuan kewangan berkaitan asas risiko dan pulangan selain kepentingan melabur secara konsisten supaya masyarakat dapat mengembangkan kekayaan secara mampan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

ASNB turut mengumumkan

beberapa inovasi kerjasama utama dengan ejen yang akan membantu mentransformasikan jualan dan agihan ASNB sebagai sebahagian pelan strategik lima tahun 2018-2022.

Ia bertujuan mengekalkan kedudukan kepimpinan ASNB dalam industri unit amanah.



MAYBANK merupakan bintang utama pada majlis meraikan ASNB Starz Award Night 2018 dengan kemenangan dua anugerah utama iaitu PNB Award dan Top Starz Award.